

08/06/1999

Tabung BBK terima RM10,800 lagi

KUALA LUMPUR, Isnin - Tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK) yang dilancarkan sejak April lalu bagi meringankan kesengsaraan lebih 400,000 etnik Albania di Kosovo, hari ini menerima sumbangan berjumlah RM10,800.

Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) menyumbang RM10,000 yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Setiausaha BBK, Saifuddin Abdullah, pada perhimpunan agung PPP di Pusat Islam di sini, hari ini. Turut hadir, Presiden PPP, Datuk M Kayveas.

Kelab Sukan dan Kebajikan Decrra Kancil, Kajang pula menyumbang RM500 manakala kakitangan Jabatan Laut Wilayah Tengah, Pelabuhan Klang, sebanyak RM300. Sumbangan itu diserahkan kepada wakil TV3 di Sri Pentas.

Sementara itu, pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyumbang empat kotak pakaian yang disampaikan Setiausaha Kelab Sosial dan Kebajikan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM, Zalina Mohamad kepada wakil Majlis Belia Malaysia (MBM) di Pusat Belia Antarabangsa.

Setakat ini, lebih RM1 juta dikumpul termasuk RM562,506.93 menerusi The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP).

(END)